

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

**B★POP**

**Bella harap Peluang Kedua**  
Muka 27, 28

**PERSPEKTIF**  
Kaki 'bilking' gian pak mendaki

**Di dalam!**

**Wadah Pembaharuan**

**BH AHAD**

Diterbit sejak 1957 | www.bharian.com.my

**JAWI laksana majlis akad nikah dalam talian pertama di Malaysia**  
Muka 6

19 April 2020  
25 Syawal 1441H  
Pst: 1-300 22 6787  
TP: +609 217 699 2012 (030685)

**Kerajaan perlu wujudkan dasar pembelajaran dalam talian yang jelas**

Ikuti Soal Jawab bersama Pengurus Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia (PTPM) yang juga Pensyarah Kanan UPSI Prof Madya Dr Mahizer Hamzah. Muka 12/13

# 'Jangan alpa, perang COVID-19 belum selesai'

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah khuatir penurunan jumlah kes positif COVID-19 dalam tempoh beberapa hari lalu disalah erti masyarakat sehingga membuatkan mereka mengambil mudah, enggan patuh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana menganggap usaha memerangi wabak hampir selesai.

Muka 5

**PDRM tidak beri keistimewaan kepada mana-mana pihak, termasuk orang kenamaan langgar PKP** Muka 3

**Terkini COVID-19**

**135**

pulih, dibenar keluar hospital, semalam

**54**

kes baharu disahkan, semalam

**88**

jumlah kematian dicatat

**5,305**

jumlah kes disahkan positif

**2,115**

kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

**Nasional**

19 APRIL 2020 BHARATAD

**Tindakan tegas mohon BPN guna dokumen palsu**

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kewangan menegaskan bahawa Bantuan Prihatin Nasional (BPN) hanya untuk dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia yang layak, sekali gus memandang serius permohonan yang dibuat menggunakan dokumen palsu.

Kementerian itu memaklumkan dimulai susulan penularan di media sosial yang mendakwa terdapat warganegara asing menerima bantuan terbabit.

Dalam satu kenyataan semalam, kementerian berkenaan menjelaskan, permohonan baharu dan rayuan BPN yang dibuka dari 1 hingga 30 April, menerima lebih tiga juta permohonan baharu dan rayuan setakat ini.

"Buat masa ini, permohonan BPN itu belum diputuskan sama ada diluluskan atau sebaliknya. Keputusan akan dimulakan kepada pemohon pada Mei 2020.

"Per Mohon baharu dan rayuan diterima adalah tertakluk kepada proses verifikasi bagi memastikan BPN diterima oleh mereka yang benar-benar layak," kata kementerian berkenaan.

Menurut kementerian, permohonan terbabit akan diproses dan disemak silang dengan pangkalan data agensi kerajaan lain termasuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Justeru, permohonan menggunakan dokumen palsu atau yang disenaraikan hitam akan ditolak."

"Dinggalkan sekiranya pemohon didapati memberikan maklumat tidak benar atau palsu, tindakan boleh diambil mengikut Seksyen 193 Kanun Kesejahteraan (Akta 574) dan boleh dikenakan denda atau hukuman penjara sehingga tiga tahun," kata kementerian itu.

BERNAMA

**Penularan COVID-19****135 pesakit pulih, dibenar pulang****Jumlah tertinggi berbanding 54 kes baharu dilapor semalam**

**Putrajaya:** Sebanyak 135 kes positif COVID-19 yang pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang, sekali gus menjadi jumlah tertinggi berbanding kes baharu dilapor semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah kumulatif kes pulih daripada COVID-19 sebanyak 3,102 kes, iaitu 58.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Bagi kes baharu, sebanyak 54 kes dilaporkan dan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia ialah sebanyak 5,305 kes.

"Sehingga kini, 49 kes positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU). Daripada jumlah itu 26 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Mengenai kematian, beliau berkata sebanyak dua kematian dilaporkan semalam, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes kematian di negara ini 88 atau 1.66 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, kes kematian ke-87 (kes ke-2,657) membabitkan lelaki warganegara Malaysia berumur 60 tahun yang ada latar belakang penyakit dari tinggi dan kencing manis.

"Beliau dirawat di Hospital

Kuala Lumpur pada 30 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 12 April 2020 jam 3.20 petang.

"Kes kematian ke-88 (kes ke-5,252) ialah lelaki warganegara Myanmar berumur 36 tahun.

"Beliau dirawat di Hospital Selangor pada 17 April 2020 dan datang pada peringkat yang lewat dengan jangkitan paru-paru Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARD) dan disahkan meninggal dunia pada hari yang sama pada jam 10 pagi," katanya.

Dr Noor Hisham juga berkata, kementerian mengesan 31 kes positif baharu COVID-19 membabitkan kluster petugas kesihatan di Sabah.

Katanya, kluster petugas kesihatan itu membabitkan tiga hospital di bawah kementerian iaitu Hospital Queen Elizabeth 2, Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Likas dan Hospital Keinginan.

"Kes baharu itu termasuk dua

kes yang dilaporkan hari ini (semalam). Semua kes masih dalam rawatan setakat ini.

"Kluster ini terdiri daripada 23 petugas kesihatan dan lapan ahli keluarga dan orang awam. Kluster ini mula dikesan apabila ketepisan ujian COVID-19 adalah positif pada 2 April bagi seorang kakitangan hospital yang melarap diri di Hospital Queen Elizabeth 2.

"Beliau didapati tidak sihat dan mempunyai gejala batuk dan selesma pada hari berkenaan. Siasatan dan saringan bagi kontak kaitangan terbabit sudah dijalankan. Jangkitan COVID-19 ini didapati positif bagi beberapa rakan setugas serta ahli keluarga," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, semua pesakit di bawah kluster berkenaan masih berada di dalam wad dan dalam keadaan stabil.

"Tiada kes mendapat jangkitan ini semasa mengendalikan pesakit COVID-19," katanya.



**Sehingga kini, 49 kes positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU). Daripada jumlah itu 26 kes memerlukan bantuan pernafasan.**

**Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan**



BH TV

**Ketua jabatan tentukan beri elaun khas**

**Kuala Lumpur:** Ketua jabatan akan diberi kuasa untuk melakukan penilaian secara menyeluruh bagi pemberian elaun khas terhadap petugas kesihatan negara.

Menyatakan demikian, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata perkara itu diputuskan bagi menghargai pengorbanan dan komitmen pegawai dan anggota kesihatan yang tidak berbelah bagi membendung penularan COVID-19.

Katanya, penurunan kuasa kepada ketua jabatan adalah bagi memudahkan lagi pemberian

elaun khas itu.

"Ada yang memberi pandangan agar KKM (Kementerian Kesihatan) menilai semula pelaksanaan pemberian elaun khas petugas kesihatan, khususnya bagi memudahkan cara proses pemberian dan syarat kelayakan elaun khas ini kepada pegawai dan anggota kesihatan tertentu yang lain," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, selain penurunan kuasa kepada ketua jabatan, langkah penambahbaikan juga akan dimaklumkan dalam tempoh terdekat ini.

**KKM pertimbang penghantar makanan kena saring**

**Kementerian Kesihatan mempertimbang penghantar makanan melalui saringan.**

(Foto Aizuddin Saad/BH)

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menimbang keperluan untuk semua penghantar makanan melalui saringan kesihatan, sama seperti peraturan yang ditetapkan ke atas penyedia dan pengendali makanan.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata mengikut peraturan sedia ada, setakat ini hanya pengendali makanan yang perlu mendapatkan kelulusan KKM sebelum dibenarkan beroperasi.

"Sekarang, kita lihat pula penghantar makanan. Jadi, sekarang kita kena pertimbang untuk semua penghantar makanan melalui saringan kesihatan.

"Kalau mereka sihat, baru dibenarkan untuk menghantar makanan," katanya pada sidang me-

dia semalam.

Sementara itu, beliau berkata, bagi ujian saringan COVID-19, KKM akan mencari kaedah terbaik bagi memastikan penghantar makanan menjalani prosedur itu, termasuk berkaitan kos menjalankan ujian berkenaan.

"Kalau mereka (penghantar makanan) daripada syarikat yang berdaftar, mungkin tiada masalah dan sebagai syarikat bertanggungjawab, pembayaran (kos) adalah daripada syarikat berkenaan. Apa yang kita fikirkan adalah penghantar makanan lain (tidak berdaftar). Mungkin kita akan bincangkan kaedah bersesuaian," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham mengesahkan tiada kes positif COVID-19 membabitkan penghantar

makanan setakat ini.

"Setakat ini, tiada data mengatakan (penghantar makanan) positif (COVID-19), tetapi apa yang pasti, kita akan menjalankan ujian saringan sama ada di klinik kesihatan (kerajaan) atau swasta. Ujian ini penting untuk memastikan mereka sihat dan tidak mengandungi atau dijangkiti ketika menghantar makanan," katanya.


Kelman, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, berkata semua pekerja penghantar makanan yang berkhidmat dengan syarikat e-hailing atau secara individu perlu menjalani saringan kesihatan sebelum dibenarkan beroperasi sepanjang Ramadan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BHAKTIAD

19 APRIL 2020

5

**Nasional****Penularan COVID-19**

Malaysia terus menunjukkan perkembangan positif apabila kes positif harian sekali lagi mencatatkan angka terendah, iaitu 54 kes semalam.

## 'Masyarakat perlu terus patuh PKP'

KKM minta rakyat jangan alpa, perang lawan COVID-19 belum selesai

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) kuarantin masyarakat mulai alpa susulan penurunan jumlah kes positif COVID-19 sejak beberapa hari lalu sehingga mengambil mudah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mengingatkan demikian, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata perjuangan dalam 'perang' melawan COVID-19 masih lagi belum selesai.

"Dalam dua minggu ini kita percaya walaupun kes dikawal, tetapi ia masih belum berakhir; kita belum menang dalam perang ini."

"Penurunan jumlah kes sejak beberapa hari ini jangan disalah erti, serta membuatkan masyarakat alpa lalu mengambil mudah PKP kerana memikirkan bahawa wabak ini hampir selesai."

"Perjuangan kita belum selepas ini," katanya dalam sidang media perkembangan terkini COVID-19, di sini, semalam.

Ram, Malaysia mencatatkan kes baru, iaitu kali ke-

tiga kes harian dalam minggu ini berada di bawah paras 100 kes.

Jumlah pesakit pulih juga pada tahap memberangsangkan, iaitu pada kadar 58.5 peratus, atau 3,102 kes, termasuk 135 kes semalam.

Meskipun perkembangan yang baik, Dr Noor Hisham menegaskan bahawa orang ramai perlu terus patuh dengan penguatkuasaan PKP.

"Rakyat diminta terus patuh perintah PKP walaupun perkembangan dalam penurunan kes ini sememangnya positif."

"Namun, masyarakat masih perlu berada di rumah, mengamalkan penjarakan sosial, sekurang-kurangnya satu meter daripada orang lain dan juga mengamalkan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun."

"Pendekatan ini penting dalam

**Dalam dua minggu ini kita percaya walaupun kes dikawal, tetapi ia masih belum berakhir, kita belum menang dalam peperangan ini.**

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
**Ketua Pengarah Kesihatan**

memutuskan rantaian penularan jangkitan.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu, termasuk anggota barisan hadapan dalam mengekang penularan COVID-19 sehingga berjaya menurunkan kadar kes positif.

KKM katanya, akan sentiasa bekerjasama dengan agensi sektor yang dibenarkan beroperasi bagi memastikan keupayaan terhadap garis panduan PKP.

"Seperti PKP satu dan dua, bila kita melaksanakan PKP tiga keputusan itu harus meningkat... (kami) faham dari segi pelbagai agensi inginkan kebenaran beroperasi, namun garis panduan seperti pekerja perlu menjalani ujian saringan perlu dipatuhi."

"Jika perkhidmatan perlu boleh patuh garis panduan, sektor yang ingin dipertimbangkan operasi juga perlu mematuhi garis panduan itu," katanya.

Ditanya sama ada KKM akan membuat ujian saringan secara besar-besaran bagi setiap satu juta orang, beliau berkata, kementerian akan menumpulkan kaedah pendekatan bersasar di kuster dan lokasi berisiko.

Beliau berkata, ujian saringan secara beramai-ramai terhadap pekerja asing juga akan diberi tumpuan di kawasan yang disasarkan mempunyai peningkatan jangkitan COVID-19.

## Tiada kumpulan besar pulang dari Singapura

**Putrajaya:** Tiada kumpulan besar rakyat negara ini pulang serentak dari Singapura berikutkan perkhidmatan keperluan asas dan kilang pengeluaran produk makanan masih beroperasi di republik itu.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata selagi kilang berkenaan tidak ditutup, tiada kumpulan yang besar pulang secara serentak.

"Seharian hanya kira-kira 200 rakyat negara ini yang pulang dari Singapura melalui Johor Bahru dan setakat ini semua yang pulang dikuarantin secara wajib."

"Tetapi akan datang kita tidak tahu sebab ramai pekerja kita di Singapura. Namun, Menteri Sumber Manusia kedua-dua negara sudah berbincang sekiranya ada kesmasukan, ia akan dilakukan secara berperingkat," katanya pada sidang media selepas mesyuarat menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, syarikat telekomunikasi melalui kontraktor menjalankan pemasangan internet masih dibenarkan terus beroperasi kerana ia membabitkan kemudahan dan keperluan asas pengguna, sama seperti kemudahan elektrik serta air.

"Kita masih benarkan beroperasi, tetapi sebelum pergi ke rumah individu untuk pemasangan internet ini, mereka perlu lapor kepada polis bagi mudahkan urusan melalui sekatan jalan raya," katanya menjawab persoalan mengenai had operasi pemasangan internet.

## Pakar perunding China tiba bantu Malaysia

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang melihat peluang kerjasama dengan lapan pakar perunding perubatan dari China yang tiba di negara ini semalam, dalam usaha meningkatkan lagi usaha pengesanan virus, rawatan dan kesihatan awam berkaitan COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua pakar perunding, termasuk pakar penyakit berjangkit dan pakar penganalisis data yang bertugas di Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China, cawangan Guandong, berpengalaman menangani COVID-19 di Hubei.

Katanya, pihaknya melihat bagaimana untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan dan apa yang boleh dipelajari daripada pakar berkenaan, selain menjawab persoalan mengenai tiga strain virus COVID-19 yang diktatkan sebelum ini.

"Memang betul. Hari ini (semalam) ada lapan dari China yang berpengalaman untuk membantu kita. Sebelum ini, kita ada buat 'teleconferencing' dengan mereka.

ti melalui ujian saringan kesihatan apabila keluar dan masuk dari Singapura," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan berharap lebih banyak pengurusan hotel tampil untuk menjadi pusat kuarantin bagi menempatkan rakyat negara ini yang pulang dari luar negara.

Katanya, kerajaan juga sudah mengumumkan untuk memberikan pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) terhadap hotel yang menjadi pusat kuarantin.

Justeru, katanya, mana-mana pegusaha hotel yang berminat untuk menjadikan fasiliti masing-masing sebagai pusat kuarantin boleh berhubung dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Selain itu, Ismail Sabri berkata, syarikat telekomunikasi melalui kontraktor menjalankan pemasangan internet masih dibenarkan terus beroperasi kerana ia membabitkan kemudahan dan keperluan asas pengguna, sama seperti kemudahan elektrik serta air.

"Kita masih benarkan beroperasi, tetapi sebelum pergi ke rumah individu untuk pemasangan internet ini, mereka perlu lapor kepada polis bagi mudahkan urusan melalui sekatan jalan raya," katanya menjawab persoalan mengenai had operasi pemasangan internet.

"Mungkin ada banyak isu lagi yang kita kena lihat. Antara mereka lapan orang itu adalah pakar penyakit berjangkit, pakar analisis data dan sebagainya," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebelum ini, pihaknya dimaklumkan penularan COVID-19 di China membabitkan strain B, manakala jangkitan di Malaysia dan Singapura dikatakan daripada strain C.

Katanya, semalam, makmal di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) sudah melaksanakan perngasingan dan kultur virus COVID-19 dan daripada kultur itu nanti, pihaknya akan bandingkan dengan virus pada gelombang pertama serta kedua jangkitan di negara ini.

Beliau berkata, apabila pihaknya melihat hasil kajian daripada gelombang pertama berdasarkan dua sampel pesakit berasal dari Wuhan dan membandingkannya dengan sampel kes gelombang kedua, ia didapati mempunyai persamaan dengan strain B di Wuhan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

19 APRIL 2020 BH AHAD

## Satu lagi kluster baharu babit petugas kesihatan tiga hospital

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan mengesan satu lagi kluster baharu membabitkan petugas kesihatan di tiga hospital di Sabah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tiga hospital berkenaan ialah Hospital Queen Elizabeth 2, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas dan Hospital Keningau.

Katanya, sehingga semalam, terdapat 31 individu positif COVID-19 dalam kluster berkenaan iaitu dalam kalangan petugas kesihatan serta ahli keluarga mereka.

"Kes kluster ini termasuk dua kes yang dilaporkan hari ini (semalam). Kluster ini terdiri daripada 23 petugas kesihatan dan lapan ahli keluarga dan orang awam," katanya pada sidang media harian mengenai perkembangan COVID-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster itu mula dikesan apabila salah seorang dari petugas kesihatan itu melapor diri di Hospital Queen Elizabeth 2.

"Kluster ini mula dikesan pada 2 April lalu selepas keputusan saringan kesihatan yang dibuat ke atas petugas berkenaan didapati positif COVID-19.

"Pada mulanya petugas kesihatan terbabit hanya mempunyai gejala seperti batuk dan selsema.

"Saringan kesihatan ke atas kontak rapat petugas kesihatan terbabit turut dijalankan dan rakan setugas dan ahli keluarganya turut dijangkiti wabak berkenaan," katanya.

Beliau berkata, semua pesakit di bawah kluster berkenaan kini dirawat di wad dan dalam keadaan stabil.

Malah, beliau turut menggaskan jangkitan berkenaan bukannya diterima semasa mengendalikan pesakit positif COVID-19.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

8

**Nasional**

Penularan COVID-19

# Kulai, Lahad Datu lokasi terbaru Zon Merah

Dua lagi daerah terbaru catat lebih 40 kes positif

**Kuala Lumpur:** Kulai di Johor dan Lahad Datu di Sabah, disyitarkan lokasi terbaru zon merah menjadikan keseluruhan 30 kawasan berada dalam zon berkenaan, kelmarin.

Berdasarkan infografik dikongsi Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi media sosial rasminya, Kulai menjadi daerah kelima direkodkan berada dalam zon merah selepas mencatatkan 41 kes positif COVID-19.

Empat daerah lain di Johor adalah Khung (22), Johor Bahru (187), Batu Pahat (52) dan Muar (47).

Sementara di **Kota Kinabalu**, Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Frankie Poon, berkata Lahad Datu mencatatkan 42 kes COVID-19 sejak tadi.

"Malah, seluruh negeri merekodkan peningkatan 10 kes baru di tujuh daerah," katanya menerusi laman sosial Facebook beliau semalam.

Infografik itu juga memaparkan seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada dalam zon merah dengan keseluruhan 971 kes, diikuti Lembah Pantai dengan 604 kes, manakala Putrajaya kekal 55 kes.

Selangor terus menjadi negeri paling banyak kes COVID-19 iaitu sebanyak 1,338 kes dengan enam daerahnnya kini sudah dikategorikan zon merah, manakala tiga lagi daerah dikategorikan sebagai zon jingga.

Perak pula mencatatkan 252 kes positif dengan dua daerahnnya dikategorikan zon merah, iaitu Hilir Perak (65) dan Kinta (94).

Negeri Sembilan turut mencatatkan peningkatan kes COVID-19 berbanding Khamis lalu apabila merekodkan sebanyak 402 kes dengan Rembau dan Seremban kekal dalam zon merah.

Daerah lain dalam kategori zon merah adalah Jerantut dan Kuantan di Pahang; Kota Bharu, Kelantan; Kuching dan Kota Samarahan, Sarawak, manakala di Sabah membabitkan Kota Kinabalu dan Tawau.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata zon hijau yang tidak merekodkan sebarang kes jangkitan COVID-19 boleh diberi ke-longgaran daripada dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bagaimanapun, katanya keputusan itu mesti dibuat secara teliti selain memastikan ia benar-benar boleh membebaskan jangkitan dan penularan COVID-19.

"Untuk kita mendatarkan lengku nampaknya sudah berhasil.



**Untuk kita mendatarkan lengku nampaknya sudah berhasil. Saya jangka pandemik tidak akan berakhir bulan puasa dan bulan raya, tetapi sekarang kita sudah buat sesuatu yang bermanfaat kepada ekonomi negara.**

**Dr Adham Baba,  
Menteri Kesihatan**

Saya jangka pandemik tidak akan berakhir bulan puasa dan bulan raya, tetapi sekarang kita sudah buat sesuatu yang bermanfaat kepada ekonomi negara.

"Kawasan zon merah tinggal 40 lebih banyak kawasan hijau. Kita sudah boleh longgarkan PKP tetapi kita tidak boleh benarkan COVID-19 ini wujud dalam Malaysia," katanya dalam sambang live bersama Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Facebook Ahmad Zahid, semalam.



AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

19 APRIL 2020 • SINAR AHAD

# Perjuangan belum selesai

Jangan ambil ringan PKP walaupun kes baharu menunjukkan penurunan

OLEH HIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA



Dr Noor Hisham (kanan) pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

**P**enurunan kes baharu positif koronavirus (Covid-19) yang mencatatakan angka dua digit buat kali ketiga di negara ini bukan tiket untuk masyarakat ambil ringan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya khawatir jika penurunan jumlah kes dalam beberapa hari ini disalah erti.

Beliau juga bimbang penurunan angka kes baharu itu membuatkan masyarakat alpa lalu mengambil mudah PKP kerana memikirkan bahawa wabak ini hampir selesai.

"Perjuangan kita masih belum selesai. Rakyat Malaysia dinasihati agar terus patuh kepada PKP.

"Walaupun perkembangan dalam penurunan kes ini sememangnya positif, namun masyarakat masih perlu berada di rumah," katanya.

Beliau juga mengingatkan masyarakat untuk terus mengamalkan jarak sosial yang selamat dan juga mengamalkan kebersihan diri yang tinggi.

"Pendekatan ini penting dalam memutuskan rantaian penularan

jangkitan," katanya.

Semalam, Malaysia sekali lagi merekodkan penurunan kes positif Covid-19 iaitu sebanyak 54 kes menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 5,305 kes.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meneliti untuk mewujudkan garis panduan pengagihan bantuan oleh wakil rakyat dalam tempoh PKP.

Beliau berkata, perkara itu akan dibincangkan bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk diputuskan.

"Perkara ini kita akan teliti dan bincang bersama (MKN) dan mungkin akan diputuskan oleh MKN," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan adakah KKM mempunyai cadangan atau sebarang

garis panduan sedia ada untuk wakil rakyat menghantar bantuan.

Terdahulu, tular di media sosial beberapa keping gambar Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali didakwa berkumpul dengan beberapa orang lelaki di sebuah maahad tafiz di kawasan Lenggong.

Dr Noor Azmi yang merupakan Ahli Parlimen Bagan Serai didakwa melanggar PKP pada majlis itu yang dikatakan turut dihadiri Exco Perak, Razman Zakaria.

Sejurus selepas itu, satu majlis makan beramai-ramai diadakan tanpa penjarakan sosial seperti yang disaranakan KKM.

Bagaimanapun, gambar-gambar berkenaan yang didakwa dimuat naik dalam satu status di laman Facebook Dr Noor Azmi diperkatakan telahpun dipadamkan.

## 5 KEDUDUKAN KES COVID-19 NEGARA DI ASIA TENGGARA

Negara	Kes	Mati	Pulih
1. Indonesia	6,248	535	631
2. Filipina	6,087	397	516
3. Singapura	5,992	10	708
4. Malaysia	5,305	88	3,102
5. Thailand	2,733	47	1,787

## KKM mulakan ujian pengasingan kultur virus Covid-19

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mula melakukan ujian pengasingan kultur virus Covid-19 semalam bagi mengenal pasti varian virus berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dapatan daripada hasil kajian itu akan dikongsikan bersama lapan pakar perunding perubatan dari China yang berada di negara ini untuk membantu menangani wabak berkenaan.

"Hari ini (semalam) kita telah laksanakan pengasingan dan kultur virus tersebut di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan daripada kultur tersebut kita bandingkan gelombang pertama dan gelombang kedua.

"Mungkin kita akan berkongsi pendapat dengan hasil kajian kita dengan pihak (pasukan perunding perubatan) China," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, sebelum ini pihaknya melakukan teleconferencing bersama pasukan daripada Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China cawangan Guandong itu.

"Mungkin ada banyak isu lagi yang kita kena lihat. Ada antara lapan orang itu ialah pakar penyakit berjangkit, pakar analisis data dan sebagainya.

"Dengan kepakaian mereka di Hubei hari itu, mungkin kita boleh kongsi dan belajar daripada mereka," katanya.

## Minta kebenaran MKN jika mahu buat kerja amal

**KUALA LUMPUR** - Semua pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) diminta untuk mendapatkan kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) jika mahu melakukan kerja amal.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, pihak swasta, agensi atau jabatan kerajaan serta manama kementerian juga perlu mendapatkan kebenaran daripada MKN.

"Semua pihak yang mahu melakukan kerja amal perlu mendapatkan kebenaran daripada MKN."

"Pada masa sama, ada prosedur operasi standard (SOP) yang perlu diikuti mereka," katanya ketika ditemui selepas

melakukan tinjauan di Menara City One di sini semalam. Apartmen itu ialah salah sebuah kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Beliau berkata, pihaknya juga tidak memberi keistimewaan kepada mana-mana pihak termasuk orang kenamaan bagi membolehkan mereka melanggar PKP.

"Kita ada menerima beberapa laporan polis berkaitan perkara itu. Siasatan lanjut akan dijalankan termasuk memanggil individu terbabit untuk mendapatkan penjelasan mereka.

"Saya menasihatkan semua pihak agar mematuhi arahan PKP termasuk mematuhi SOP ditetapkan MKN," katanya.

## JADUAL WAKTU SOLAT



	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:59	7:10	1:20	4:30	7:28	8:39
ALOR SETAR	5:59	7:08	1:20	4:30	7:27	8:38
PULAU PINANG	6:00	7:08	1:20	4:31	7:27	8:37
IPOH	5:59	7:05	1:18	4:30	7:24	8:34
KOTA BHARU	5:48	7:02	1:13	4:23	7:20	8:27
KUALA TERENGGANU	5:50	6:59	1:09	4:20	7:15	8:26
KUANTAN	5:52	7:02	1:10	4:23	7:14	8:25
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	5:57	7:06	1:15	4:28	7:20	8:31
SHAH ALAM	5:57	7:05	1:15	4:28	7:20	8:31
SEREMBAN	5:57	7:06	1:13	4:27	7:18	8:28
BANDAR MELAKA	5:56	7:05	1:13	4:27	7:17	8:27
JOHOR BAHRU	5:50	7:00	1:07	4:21	7:10	8:20

Sumber daripada portal www.e-solat.gov.my

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR AHAD • 19 APRIL 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19



Sinar Ahad  
MEDIA PERSOSIAL

3

# Kes baharu turun lagi

Malaysia catat 54 kes baharu semalam menjadikan jumlah positif sebanyak 5,305 kes

Oleh HIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

**M**alaysia sekali lagi merekodkan penurunan kes positif Covid-19 apabila mencatatkan sebanyak 54 kes semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah positif virus itu sebanyak 5,305 kes.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 2,115 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang akbar di sini semalam.

Menurutnya, seramai 49 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 26 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, terdapat 135 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepuhnya sebanyak 3,102 kes," katanya.

Beliau berkata, terdapat dua kes kematian Covid-19 dilaporkan ke Pusat Kesesiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia sebanyak 88 kes.

"Kes kematian ke-87 (kes ke-2,657) merupakan lelaki tempatan berumur 60 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit dari tinggi dan kencing manis.

"Kes kematian ke-88 (kes ke-2,525) merupakan lelaki warga Myanmar berumur 36 tahun. Mangsa dirawat di Hospital Selayang pada 17 April 2020 dan duduk pada peringkat yang lewat dengan jangkitan paru-paru Severe Acute Respiratory Infection," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada kes positif Covid-19 melibatkan pekerja perkhidmatan penghantar makanan dikesan setakat ini.

Bagaimanapun, katanya, penghantar makanan perlu menjalani ujian saringan bagi memastikan mereka

## LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN WABAK COVID-19



tidak dijangkiti wabak itu.

Menurutnya, syarikat penghantar makanan berdaftar perlu menanggung kos ujian saringan itu.

"Kalau mereka (penghantar makanan) dari syarikat yang berdaftar, mungkin tiada masalah dan syarikat bertanggungjawab terhadap kos pembayarannya.

"Apa yang kita kena fikirkan ialah penghantar makanan lain yang tidak berdaftar. Mungkin kita akan bincangkan kaedah bersesuaian," kata beliau.

## Kluster baharu petugas kesihatan Sabah

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti satu kluster baharu melibatkan petugas kesihatan di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster berkenaan melibatkan tiga buah hospital KKM di Sabah iaitu Hospital Queen Elizabeth 2, Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Likas dan Hospital Keningau.

"Terdapat 31 kes yang telah dikenal pasti positif Covid-19 dalam kluster ini termasuk dua kes baharu dilaporkan hari ini (semalam).

"Kesemua kes masih dalam rawatan setakat ini. Kluster ini terdiri daripada 23 petugas kesihatan dan lapan ahli keluarga/orang awam," katanya di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster berkenaan mula dikesan apabila keputusan ujian Covid-19 salah seorang kakitangan hospital yang melapor diri di Hospital Queen Elizabeth 2 adalah positif pada 2 April 2020.



Katanya, individu terbabit didapati tidak sihat dan mempunyai gejala batuk dan selesema pada hari tersebut.

"Siasatan dan saringan bagi kontak kakitangan tersebut telah dijalankan. Jangkitan Covid-19 telah didapati positif bagi beberapa rakan setugas serta ahli keluarga.


"Kesemua 31 kes masih berada di dalam wad dan adalah berada dalam keadaan stabil. Tiada kes yang mendapat jangkitan ini semasa mengendalikan pesakit Covid-19," katanya.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

JUMLAH KESELURUHAN: 5,305 | PULIH: 3,102 | ICU: 49 | KEMATIAN: 88 | KES BAHARU: +54



## JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI



AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

NewSundayTimes . APRIL 19, 2020

4

NEWS / Nation

A SINGAPORE LESSON

# FOCUS ON MIGRANT WORKERS

Health Ministry to conduct large-scale Covid-19 testing of migrant workers, tahfiz students

PUTRAJAYA

**A**LARGE-SCALE Covid-19 testing will be conducted among migrant workers in the country soon, as part of the Health Ministry's effort to combat the spread of the virus.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said this on the heels of a similar action taken by Singapore.

"We are embarking on a big-scale screening of our migrant workers. We are learning from Singapore," he said here yesterday.

Dr Noor Hisham said the ministry would conduct mass screenings of targeted groups, based on factors such as infection hotspots and cluster groups.

He said this included tahfiz students nationwide. Currently, there are 197 tahfiz schools in the country with 11,045 students and 8,392 of them have been screened.

"We are adopting a focused targeted approach. The screening is based on targeted locations as well as on people."

Apart from the tahfiz group, Dr Noor Hisham said another target



Health Ministry frontliners taking the temperature of residents at the Selangor Mansion flats recently. Foreigners make up most of the residents in the flats. (Inset) Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah. FILE PIC

group was the tabligh cluster, which made up 39 to 40 per cent of the country's total positive cases.

"Any location under the Enhanced Movement Control Order (Emco) will be followed with testing for everyone in that area.

"Basically, when we enforce strict movement control for an area and implement the Emco, we are targeting the area and we will test everyone."

Asked on the number of cases involving Malaysians in Singa-

pore, Dr Noor Hisham said the ministry had yet to receive information on the matter.

On the daily Covid-19 case update, the Health Ministry yesterday reported two new Covid-19 fatalities, bringing the death toll to 88.

Dr Noor Hisham said the two deaths involved a 60-year-old Malaysian who had diabetes and hypertension while the other was a 36-year-old Myanmar citizen who sought medical attention in the late stages of severe acute res-

piratory infection.

He said 54 new Covid-19 cases were reported yesterday, bringing the tally of infections to 5,305.

"Of the cases undergoing treatment in hospitals, 49 are in the Intensive Care Unit, with 26 requiring breathing assistance."

He said 135 patients had been discharged yesterday, bringing the total number of recovered cases to 3,102.

Dr Noor Hisham also announced three Covid-19 clusters

involving medical practitioners in Sabah, namely at the Queen Elizabeth 2 Hospital, Women and Children's Hospital (HWKK) in Likas and Keningau Hospital.

Currently, 31 people there are infected with Covid-19, including two new cases reported yesterday. From this figure, 23 are medical practitioners and eight their family members.

All 31 are in stable condition, he said.

On the declining trend of positive cases, Dr Noor Hisham expressed hope that the news would not lead Malaysians into thinking that the war against Covid-19 was over.

The fight, he said, was not over yet.

"Although new cases continue to decline, the public must continue to adhere to the Movement Control Order (MCO), adopt social distancing as well as practise frequent and good hygiene."

"This approach is crucial in order for us to break the Covid-19 infection chain."

Dr Noor Hisham said the Health Ministry would assess three crucial factors in determining whether the MCO would be extended.

Apart from the virulence level of Covid-19, the ministry will take into consideration the infectivity rate and economic consequences of the virus.

He explained these factors were taken into consideration by the World Health Organisation before declaring the Covid-19 outbreak as a public health emergency of international concern.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

SUNDAY STAR, SUNDAY 19 APRIL 2020

Nation 5

### Covid-19: Current situation globally (As at 7pm April 18, 2020)

Asean+	Malaysia											New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered
	India	S. Korea	Japan	Indonesia	Philippines	Singapore	Thailand	Vietnam	Brunei	Cambodia	Myanmar				
Confirmed cases	14,425	10,653	9,787	6,248	6,087	5,992	2,733	268	136	122	94	54	5,305	88	3,102
Deaths	488	232	190	535	397	11	47	0	1	0	5	19			
Recovered	2,045	7,937	935	631	516	708	1,787	201	112	103	5	2			
Global Top 10	US	Spain	Italy	France	Germany	UK	China		Iran	Turkey					Belgium
Confirmed cases	710,272	190,839	172,434	147,969	141,397	108,692	82,719	79,494	78,546	37,183					
Deaths	37,175	20,002	22,745	18,681	4,352	14,576	4,632	4,958	1,769	5,453					
Recovered	63,510	74,797	42,727	34,420	85,400	N/A	77,029	54,064	8,631	8,348					

# Don't be complacent, public warned

**Current situation:**  
Dr Noor Hisham showing the country's Covid-19 status at the Health Ministry in Putrajaya.  
— Bernama



## DG: Drop in cases doesn't mean pandemic is over

By RASHVINJEET S. BEDI,  
ASHLEY TANG and ALLISON LAI  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysians have been warned against being complacent, even though the country has shown a steady decline in the number of positive Covid-19 cases in the past few days.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the public should not misinterpret the drop as the war against the pandemic being over.

"The war is still on. We have not won the war yet."

"Life goes on but we have to manage our environment as well as our situation."

"We need to put precautions in place. Life will not be the same when we complete the third phase of MCO."

"That means we have to comply with certain health regulations and precautions so we can reduce the risk of infection," he said at his daily

press conference on the Covid-19 situation yesterday.

For the third time this week, the country has recorded only a double digit increase of new cases in a 24-hour span.

Malaysia recorded 54 new Covid-19 cases yesterday, taking the total number of confirmed infections in the country to 5,305.

Two new deaths were reported, bringing the death toll to 88.

Responding to a question, Dr Noor Hisham said the ministry was looking at how certain sectors of the economy could be allowed to reopen in stages, with stringent guidelines to be adhered to.

"We need to look into the terms of priority areas, which we will allow and screen first."

"The ministry will work with other agencies and ministries to ensure the sectors comply with the regulations," he said.

He added that the decision to extend the movement control order (MCO) or not would be based on

science and facts.

Dr Noor Hisham also called on food delivery riders to undergo the health screening at government or private health clinics to ensure that they were healthy.

"If there is a super spreader, they can infect others and those they are delivering food to," he said.

He noted that registered food delivery companies were responsible for the cost of the health screening for their riders.

He also said the ministry would be embarking on large-scale screening of foreign workers.

Dr Noor Hisham said the Institute for Medical Research (IMR) was working on isolating and culturing the virus that was present in Covid-19 cases in the country.

"We are now looking at the three strains of the virus; we have been wondering and informed that it was strain B in China."

"Today, we have conducted isolation and culture of the virus at the IMR; from the culture we then com-

pare between the cases from the first and second waves."

"When we compared samples of patients from Wuhan in the first wave to samples involving Malaysians in the second wave, both were of strain B."

"The second wave was not of strain C as claimed," he explained.

Since there were infections from imported cases involving Malaysians returning to the country, he said more tests were needed, including looking at the virus' whole genomic sequence to compare whether it was strain A, B or C.

"We will share our research results and discuss with the medical professionals from China on that, including how can we improve on detecting the virus and treating patients," he added.

Yesterday, eight medical professionals arrived from China to help in Malaysia's efforts to curb Covid-19.

Dr Noor Hisham also noted that a new cluster of Covid-19 infections had been detected among medical personnel in three government hospitals in Sabah.

So far, 31 positive cases have been identified in this cluster involving the Queen Elizabeth II Hospital and the Women and Children's Hospital - both in Kota Kinabalu - and Hospital Keningau.

None of them, however, were medical personnel treating patients with the disease and all of those who tested positive were still undergoing treatment and in stable condition.

He said the cluster was detected when a staff member of Queen Elizabeth II Hospital reported for work on April 2.

Malaysia has discharged 135 more patients as at noon yesterday.

So far, 3,102 patients have recovered and 2,115 active cases are being treated at the country's health facilities.

## Star Frontliners Initiative

Our healthcare professionals are putting their lives at risk on the front lines. Donate today to help them get essential medical supplies and equipment.

Donate via e-banking:

Bank Account no.  
**Public Bank Berhad** | 3199849230

Account name  
**Star Foundation - Medical Fund**

Donate via credit card:

Visit [www.starfoundation.com.my](http://www.starfoundation.com.my)

Donation deadline

**25 April 2020**

For queries and tax exemption receipt, email [starfoundation@thestar.com.my](mailto:starfoundation@thestar.com.my) or contact 1-300-88-7827

**Star** **STAR FOUNDATION**  
MEDIA GROUP 'Our Metropolitan Grounds'

AKHBAR : THE STAR  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : NATION

SUNDAY STAR, SUNDAY 19 APRIL 2020

Nation 3

# Timely aid from Star Foundation

Six hospitals get much-needed ventilators thanks to Star Frontliners Initiative



By IVAN LOH, RSN MURALI  
 and IMRAN HILMY  
 newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Responding to the government's clarion call, Star Media Group's (SMG) "Star Frontliners Initiative" has delivered nine portable ventilators to six hospitals in the country.

Two ventilators were sent to Melaka Hospital on Friday. The hospital also received a computed radiography system.

Melaka Hospital director Dr Zaharimah Abdul Kadir said she appreciated the timely contribution of the machines.

"We welcome any assistance to ensure better healthcare for our patients," she said after receiving the units, adding that the ventilators could be used for all patients ranging from infants to adults.

She explained that the device used Smart Help technology to enhance patient safety by providing real-time, on-screen prompts that would guide medical staff when responding to alarms.

In Perak, Raja Permaisuri Bainun Hospital Ipoh was the beneficiary of two ventilators while Hospital Taiping received one unit.

In thanking SMG, Perak Health



**Ensuring better healthcare:** Kedah Health Department (JKN) deputy director Dr Azlin Muhamad Radzi (second from left) posing for a picture together with Kedah and Perlis hospital representatives after the handover of four ventilators at the JKN office in Alor Setar.

Department director Datuk Dr Ding Lay Ming said they were touched by the timely support given.

"The ventilators for the two hospitals are much appreciated by the anaesthetists as they are easy to use and durable."

"The ventilators are designed with three internal filters and three more external optional filters to prevent the spread of the virus and ease the care for patients."

"They are also energy-efficient and ideal for all types of transport, ground ambulance, critical care

and even air transport," she added.

Raja Permaisuri Bainun Hospital and Melaka Hospital had received beds for their intensive care unit earlier this month in the same Frontliners Initiative launched under Star Foundation.

Meanwhile, four ventilators were also sent to hospitals in Kedah and Perlis.

Hospital Tuanku Fauziah in Kangar and Hospital Kulim received one each while Hospital Sultan Abdul Halim in Sungai Petani received two units.



**Essential equipment:** Raja Permaisuri Bainun Hospital deputy director Dr Megat Iskandar (second left) receiving the ventilators donated under the Star Frontliners Initiative. With them is the hospital's Head of Department of Anaesthesia and Intensive Care, Dr Usha Nair (left).

Kedah Health Department director Dr Mohd Fikri Ujang said the donation came at the right time.

This would help medical staff greatly in treating patients during this pandemic, he said.

The "Star Frontliners Initiative" is aimed at raising funds to buy essential medical equipment and supplies for hospitals and medical personnel in the front line battling Covid-19. It has raised over RM2,299,993 to-date, which includes RM1mil pledged by SMG to kick-start the initiative.

The public are encouraged to support the frontliners by making a donation.

Donations can be made to Star Foundation-Medical Fund's Public Bank account (31-9984-9230) via bank transfer, credit or debit cards. The collection will end on April 25.

For a tax exemption receipt to be issued, donors need to fill in the Medical Fund-Donation Form available on the foundation's website. For more details, visit [starfoundation.com.my](http://starfoundation.com.my)

## Sabah Health Dept denies hospital is shut

KOTA KINABALU: The Sabah Health Department has denied that the Women and Children's Hospital in Likas has been closed as alleged in a viral message on WhatsApp.

State Health Department director Datuk Dr Christina Rundi said only one ward at the hospital had been placed under quarantine to prevent the spread of Covid-19.

"During this period, no new

patients are admitted to the ward while all its staff are currently under quarantine at designated facilities," she said in a statement.

Dr Christina said the hospital was operating as usual and the public should not worry when seeking treatment there.

Meanwhile, she said investigations at Hospital Keningau found that there was no cross-transmission to patients as all its staff were

properly dressed in personal protection equipment while on duty.

"They also have undergone health screening," she said.

Meanwhile, all teachers and Tawau district education office (PPD) staff who were involved in the "Mahrajan al-Quran Sekolah-Sekolah" (MQSS), held on March 10 to 11 here, are to undergo Covid-19 screening.

Tawau Health Department officer

Dr G. Navindran said the directive was issued after one of the teachers who attended the event tested positive for the virus.

"It is believed 76 individuals were involved in the event," he said.

Meanwhile, Tawau PPD officer Zamri Pehakan said those involved in the programme had been informed of the instruction. — Bernama

**Datuk Dr Christina Rundi**  
 During this period, no new patients are admitted to the ward while all its staff are currently under quarantine at designated facilities.

”